

10 JUN 2004

NAJIB: KIT SIANG TIDAK WAJAR PERTIKAI MALAYSIA NEGARA ISLAM

SUNGKAI, 10 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak berkata adalah tidak wajar bagi ketua pembangkang Lim Kit Siang mempertikaikan Malaysia sebagai negara Islam kerana hakikatnya perkara itu dapat diterima oleh

semua rakyat Malaysia sama ada yang beragama Islam dan bukan Islam.

Timbalan Perdana Menteri berkata perkara itu tidak wajar dijadikan isu

polemik agama kerana Malaysia adalah sebuah negara Islam.

"Ramai rakyat Malaysia sudah selesa dengan definisi Malaysia sebagai

negara Islam. Di Malaysia pembangunan agama Islam dapat diteruskan dan

dapat pengiktirafan negara-negara lain", katanya kepada pemberita selepas

menghadiri majlis kenduri sekampung dan pelancaran hari peneroka Felda

Gugusan Gunung Besout dan Trolak di Gunung Besout Satu di sini hari ini.

Najib mengulas laporan akhbar hari ini yang menyiarkan kenyataan Kit

Siang mempersoalkan perisytiharan Malaysia sebagai sebuah negara Islam pada

persidangan Dewan Rakyat semalam.

Ketika membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan (Penguntungan Semula

Peruntukan Perbelanjaan) 2004 pada peringkat jawatankuasa, Kit Siang mempertikaikan perisytiharan yang dibuat oleh bekas Perdana Menteri

Tun Dr

Mahathir Mohamad pada 2001 bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam.

Kit Siang juga mempertikaikan mengapa ketua kerajaan harus terdiri

daripada kalangan orang Islam sedangkan di negara lain yang mendukung

demokrasi seperti India, Perdana Menteriinya kini adalah daripada golongan

kaum minoriti.

-- BERNAMA

KAY RHM